

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG.DATO' YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN**  
**AUDITORIUM MPSP**  
**19 JANUARI 2016 (SELASA), 2.25 PETANG**

---

**Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow,**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang,  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan  
Lalulintas dan Tebatan Banjir.

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha En. Choo Eng Hin**  
Pengarah Urusan Delta Business Solutions Sdn.Bhd.

**Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat petang dan salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinya dapat kita bersama pada hari ini untuk meraikan para pemenang Anugerah Komuniti Mampan bagi tahun 2015.

2. Sebelum itu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Tuan Chow Kon Yeow kerana sudi melapangkan masa beliau untuk ke majlis ini. Tidak lupa juga rakaman jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada penaja program iaitu Delta Business Solutions Sdn.Bhd. Delta Business Solutions Sdn.Bhd telah memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM13,700.00 sebagai hadiah kepada penyertaan yang berjaya melaksanakan komuniti mampan. Saya berharap kerjasama dan penajaan ini akan berterusan untuk tahun hadapan dan seterusnya.

3. Tujuan Anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dalam menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 Seberang Perai. Prinsip LA 21 menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan

ekonomi dan pembangunan sosial. Pecahan program utama yang dijalankan di bawah LA21 sepanjang 2015 dapat dibahagikan seperti berikut:

- 3.1. Anugerah Sekolah Hijau
- 3.2. Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika
- 3.3. Anugerah Kitar Semula Sekolah-Sekolah
- 3.4. Anugerah Komuniti Mampan
- 3.5. Program Sisa Sifar Sekolah
- 3.6. Program Sisa Sifar Komuniti
- 3.7. Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah
- 3.8. Pengkomposan
- 3.9. Program Pengindahan Bandar
- 3.10. Membuat Mud Ball
- 3.11. Kempen Makan Sampai Habis
- 3.12. Kebun Kejiranan (Community farming)
- 3.13. Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah Tadika
- 3.14. Pengumpulan Kotak Minuman
- 3.15. Membuat Sabun Dari Minyak Masak Terpakai
- 3.16. Membuat Cecair BIM
- 3.17. Bengkel
- 3.18. Taklimat
- 3.19. Lawatan
- 3.20. Program Upcycle

4. Anugerah komuniti mampan ini bermula dari tahun 2013. Pada tahun pertama pelancaran, sebanyak 10 pertubuhan telah menyertainya, tahun 2014 sebanyak 14 penyertaan dan tahun 2015 adalah sebanyak 18 penyertaan. Secara total, sehingga hari ini terdapat 20 komuniti yang sedang bergerak untuk menjadikan komuniti mampan sebagai matlamat mereka. Peruntukan bagi para pemenang dibahagikan kepada 3 tempat utama, iaitu johan, naib johan dan tempat ketiga. Selain itu terdapat juga satu anugerah inovasi khas dan disusuli dengan hadiah saguhati bagi setiap komuniti yang menyertai pertandingan ini. Pada tahun ini, Delta Business Solutions Sdn.Bhd. menaja sebanyak 15 hadiah. Pemenang akan memperolehi ganjaran berbentuk wang tunai dan sijil penghargaan.

Tempat Pertama : RM3,000.00 dan Sijil Penghargaan

Tempat Kedua : RM2,500.00 dan Sijil Penghargaan

Tempat ketiga : RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan

Anugerah Inovasi Khas : RM 700.00 dan Sijil Penghargaan

11 Hadiah Saguhati : RM 500.00 dan Sijil Penghargaan

5. Setiap komuniti yang menyertai telah dinilai pada 2 Disember 2015 oleh tiga (3) orang pegawai dari MPSP dan En. Choo Eng Hin sendiri selaku wakil dari Pihak Pengajur.

6. Setiap komuniti dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu:

6.1. Perancangan dan Pengurusan = 20 markah

6.1. Amalan Sisa Sifar=40 markah

6.2. Kebersihan dan penghijauan=20 markah

6.3. Penglibatan Komuniti= 20 markah

7. Dalam anugerah ini, aktiviti-aktiviti inisiatif komuniti mampan yang boleh dijadikan rujukan peserta adalah seperti

7.1. Kitar Semula

7.2. Pengasingan Sisa di Punca

7.3. Kompos

7.4. Eco Enzim

7.5. Jus Enzim

7.6. Penanaman pokok, pengindahan dan pembersihan kawasan

7.7. Kebun Kejiranan

7.8. Sesi pendidikan berkenaan dengan isu pembangunan mampan.

7.9. Kesedaran ke atas rancangan kemajuan, impak alam sekitar, sosial dan ekonomi.

- 7.10. Kesedaran dan penyertaan dalam program MPSP dan agensi lain.
- 7.11. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, bukit,sungai dan tasik.
- 7.12. Skim menganak-angkat kemudahan awam.
- 7.13. Skim pengawasan kejiranan dan kawalan keselamatan.
- 7.14. Sambutan Perayaan hari kebesaran
- 7.15. Cintai kemudahan awam.
- 7.16. Gotong-royong.
- 7.17. Penyediaaan kemudahan bagi kumpulan OKU dan warga emas.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Bermula pada 1 Jun 2016, Negeri Pulau Pinang akan memulakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca. Namun begitu beberapa lokasi mengikut kategori telah dipilih untuk menjadi lokasi perintis sebelum dasar ini dikuatkuasakan pada tarikh tersebut. Majlis Pelancaran Projek Perintis Pertama Dasar Pengasingan Sisa Di Punca telah dilancarkan oleh YAB Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 10 Januari 2016 yang lalu.

9. Kaedah pengasingan sisa di punca yang akan diamalkan di Negeri Pulau Pinang umumnya dan Seberang Perai khususnya adalah pengasingan sisa

kepada dua kategori sahaja. Sisa yang tidak boleh dikitar semula (termasuk sisa makanan) dan sisa yang boleh dikitar semula. Kaedah ini lebih mudah untuk difahami dan diamalkan oleh para penduduk tanpa perlu memikirkan cara yang terlalu rumit untuk mengasingkan sisa mereka.

10. Semenjak MPSP memulakan Kempen Program Sisa Sifar dalam tahun 2010, masyarakat pelbagai lapisan telah diajak mengamalkan konsep 4R *Rethink, Reduce, Reuse and Recycle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah.

11. Sisa sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tempat pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. MPSP membelanjakan RM 8,897300.10 bermula dari jan 2015 sehingga Disember 2015 untuk menguruskan 440,460.4 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya Kos “Tipping Fees” di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan kenderaan. Jika ditambah dengan kos ini, penjimatan adalah berkali ganda. Lebih daripada 50 % sampah adalah sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

12. Seperti yang kita sedia maklum, setiap Ahad pertama dalam setiap bulan, pihak MPSP mengadakan program *Car Free Morning@Seberang Perai* di Seberang Jaya. Pihak komuniti yang mempunyai produk ‘upcycle’ atau hasil daripada program komuniti yang menyumbang kepada kelestarian alam, sentiasa diberi tapak-tapak bagi membolehkan mereka memasarkan hasil dari komuniti masing-masing.

13. MPSP juga sering menjalankan bengkel-bengkel dan jalinan kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan serta NGO yang lain dalam memberi tunjuk ajar kepada pihak komuniti dalam membentuk sebuah komuniti yang mampan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan saban tahun. Jika dilihat pada tahun 2015 sahaja terdapat 235 aktiviti yang digerakkan di bawah *Local Action 21*, yang mana aktiviti-aktiviti ini turut melibatkan pelbagai lapisan seperti pihak komuniti, NGO, kilang, pejabat, sekolah dan tadika. Ini membuktikan bahawa MPSP amat mengutamakan kelestarian dalam pembangunan di kawasan Seberang Perai ini.

Sebelum mengakhiri ucapan, ribuan terima kasih sekali lagi kepada Delta Business Solutions Sdn.Bhd. yang menaja hadiah-hadiah dan bekerjasama dengan MPSP dalam Anugerah Komuniti Mampan ini. MPSP sangat berbesar hati dan berharap Delta Business Solutions

Sdn.Bhd. dapat terus menaja anugerah seperti ini di masa dan tahun-tahun yang akan datang. Di samping itu, saya juga berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat besar di luar sana akan mengikut jejak langkah Delta Business Solutions Sdn.Bhd. untuk menjayakan hasrat MPSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah mencapai “*International World Class Intelligence City*”. Saya mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan berharap kita dapat bersama-sama dalam memastikan Seberang Perai lebih bersih.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.